

### SURAT BERITA DOA

#### PANGGILAN BERDOA UNTUK MALAYSIA

**Kesatuan Doa** ditubuhkan pada tahun Jubili untuk menggerakkan umat Kristian berdoa tanpa henti bagi **kebangkitan Gereja, dan transformasi dalam Negara.**



Kami meminta semua pemberi syafaat akan tabah dalam doa, agar Allah membuka langit, mendedahkan kemuliaan-Nya dan mencurahkan kuasa-Nya ke atas negara kita. Marilah kita menuntut janji-Nya bahawa "jika umatku yang dipanggil oleh Nama-Ku, merendahkan diri, dan berdoa dan mencari wajah Aku dan berpaling daripada cara jahat mereka, maka Aku akan mendengar dari sorga dan mengampuni dosa mereka dan menyembuhkan tanah mereka" (2 Tawarikh 7:14). Marilah kita memohon kepada Tuhan dengan sungguh-sungguh untuk menjawab doa kita bagi perkara berikut:

- **Sebuah Gereja yang Kudus dan Benar** - Berdoalah agar gereja di Malaysia akan menonjol sebagai masyarakat kenabian, mengimpak masyarakat, dan hidup dengan kehidupan Kristian yang tulen serta bersemangat yang akan menjadi terang dan garam di negara ini, kerana hanya begitu barulah Gereja boleh bertinfak dan bersuara dengan kredibiliti dan autoriti moral, di samping diberikan perhatian serius oleh pemimpin-pemimpin negara.
- **Sebuah Gereja Bersatu yang mencerminkan Identiti Malaysia** - Berdoa bahawa orang Kristian akan berusaha memelihara kesatuan dalam Roh, memeluk perdamaian dan pemulihan, meninggalkan amalan budaya yang menghalang serta menghindari dan menjadi contoh dalam membawa bersama-sama semua kaum, bahasa dan budaya, menyatukan mereka di bawah Ketuanan Kristus, dalam memodelkan pemulihan etnik secara berkuasa di negara kita.
- **Meneruskan Pemuridan Benar** - Berdoa bahawa orang Kristian akan memahami maksud pemuridan benar, dan bersedia untuk memikul salib mereka setiap hari dan menderita bagi Kristus. Berdoa agar ramai umat kristian profesional dan pelajar universiti yang tidak terkira banyaknya yang belajar di luar negara akan kembali dengan visi yang jelas untuk membina kedua-dua gereja dan negara.
- **Sebuah Gereja Bumiputera yang Diperkasakan dan Bertumbuh** - Berdoalah untuk pertambahan yang semakin meningkat gereja kukuh dan berkembang di Sabah, Sarawak dan di kalangan masyarakat Orang Asli di negara kita, serta kebangkitan pemimpin yang berani dan takut akan Allah di kalangan mereka.
- **Pemulihan Ekonomi** - Berdoalah agar Tuhan akan terus merahmati negara kita dengan memberikan pemimpin negara kebijaksanaan untuk mengemudi negara kita pada masa kegawatan ekonomi global dan kejatuhan harga komoditi. Berdoalah untuk perkongsian yang saksama atas kekayaan negara ini di kalangan semua kaum dan layanan adil kepada pekerja asing dan pelarian. Berdoalah untuk penggubalan dasar yang lebih baik dan perbelanjaan yang teliti. Berdoalah terhadap laknat rasuah, Islamisasi yang semakin menjalar dan penyalahgunaan kuasa.

- **Kebebasan Institusi Kerajaan** - Berdoalah untuk perlindungan kebebasan institusi seperti Bank Pusat (BNM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Audit Negara (JAN) dan badan kehakiman terhadap muslihat politik kotor untuk melemahkan ketuanan Perlembagaan Persekutuan, kebebasan asasi manusia, prinsip-prinsip demokrasi dan kedaulatan undang-undang di negara kita. Berdoalah untuk penjawat awam yang suci dan benar yang dapat bekerja dengan berani tanpa rasa takut atau pilih kasih. Berdoalah untuk pemimpin yang tegak dan bersih yang akan mendukung institusi dan proses demokrasi dalam memulihkan semula nilai-nilai yang tidak dicalarkan oleh isu rasuah terutama sekali dalam Parlimen, Dewan Undangan Negeri, Badan Kehakiman dan Perkhidmatan Awam.
- **Pengembalian kepada Kebenaran Negara** - Berdoalah untuk transformasi berkuasa yang akan menyebabkan pengembalian kepada keadilan dan kebenaran di Malaysia. Berdoa untuk pemulihan dari tahun yang dibelenggu skandal .\_ Berdoa agar segala kejahatan di tempat-tempat tinggi didedahkan, dan keadilan akan ditegakkan.

## PERKARA-PERKARA DOA BAGI BULAN INI:

---

### 1. Persidangan Parlimen Oktober

- Mesyuarat ke-3 Sesi ke-4, Persidangan Parlimen Ketiga Belas 2016 akan bermula pada 17 Oktober. Ahli-ahli Wakil Rakyat akan bertemu selama 6 minggu (25 hari) sehingga 25 November manakala Senat akan bertemu untuk 3 minggu (10 hari) daripada 5 November - 21 Disember.
- Bil Swasta Ahli Parlimen PAS, MB untuk Marang, YB Dato' Seri Hadi Awang.**
  - Bil ini telah dibenarkan untuk dibentangkan untuk perbahasan semasa sidang Parlimen yang lepas dan bertujuan utama untuk menghapuskan perlindungan yang dirujuki sebagai " Perlindungan 3-6-5" daripada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, atau dikenali sebagai Akta 355, yang 'akan memberikan mahkamah Syariah di Kelantan di bawah pimpinan PAS dengan "kuasa yang tidak terhad untuk mengenakan semua hukuman hudud lain" kecuali hukuman mati.' Jika diluluskan, 'undang-undang baru dilihatkan membolehkan mahkamah Syariah untuk mengenakan hukuman antara 40 dan 100 sebatan bagi kesalahan seperti zina (berzina), qazaf (tuduhan palsu melakukan zina), syrub (pengambilan alkohol) dan irtidad atau riddah (murtad) seperti yang ditakrifkan sebagai kesalahan hudud di bawah Seksyen 5 Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) Enakmen 2015 (Kelantan). 'steven thiru, Jun 2016
  - Seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan, Encik Mohd Amar, Rang Undang-undang yang dibentangkan baru-baru ini

bertujuan untuk meningkatkan dan menyelaraskan kuasa keseluruhan sistem keadilan Syariah di seluruh Malaysia, dengan rancangan untuk mengawal mahkamah Syariah, bukan hanya di Kelantan tetapi untuk seluruh negara. Berdoa menentang rancangan rahsia untuk melaksanakan undang-undang Syariah melalui pelbagai pentadbiran negeri dengan tujuan utama mengislamkan Perlembagaan Persekutuan dan menyelaraskan semua undang-undang di bawah hudud.

- iii. Berdoalah untuk orang Islam dan bukan Islam, agar masing-masing akan sedar akan kesan-kesan yang berpotensi bil tersebut dan tidak dikelirukan oleh orang yang ingin menggunakan agama untuk kepentingan politik mereka sendiri. Berdoa kepada Allah yang akan membawa tindak balas yang berleluasa terhadap pelaksanaan Hudud, agar Allah akan mengabulkan golongan Royalti untuk bersuara sekali. Berdoa agar Malaysia akan kekal sebuah negara di mana Kebebasan Agama ditegakkan.

**c. Cadangan Pemindaan kepada Akta Komunikasi Dan Multimedia (AKM).**

- i. Pindaan ini bertujuan untuk 'memberikan badan kawalan penyeliaan Internet - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) - lebih banyak kuasa untuk mengambil keluar kandungan dalam talian tanpa pengawasan yang betul. Perubahan ini, jika diperkenalkan dan diluluskan oleh Parlimen, bersama-sama dengan pindaan untuk menyekat jaminan untuk semua kesalahan di bawah Seksyen 124 Kanun Prosedur Jenayah, yang turut digunakan terhadap aktivis dan pihak media.'<sup>APC, May2016</sup>
- ii. Berdoa agar kerajaan akan memastikan semua undang-undang, yang sedia ada dan akan datang, akan menghormati kebebasan bersuara dengan sepenuhnya, termasuk aliran bebas idea di internet.

**d. Cadangan pemindaan kepada Akta Undang-undang Profesion 1976 (LPA).**

- i. Pemindaan yang dicadangkan termasuklah keperluan kuorum ketat bagi semua mesyuarat agung Badan Peguam Malaysia dan Badan Peguam Negeri akan meningkat kepada 25 peratus daripada keahlian; Serta Menteri yang menjaga hal ehwal undang-undang akan diberikan kuasa untuk menentukan peraturan pilihan raya dan peraturan-peraturan Badan Peguam Malaysia serta pindaan lain yang memberi kesan kepada kebebasan Badan Peguam Malaysia dan Profesion Undang-undang.
- ii. Perkara ini adalah amat membimbangkan kerana hal ini dilihat sebagai satu cara untuk menyekat keberkesanan dan kebebasan tugas akta tersebut. Berdoa agar rang undang-undang ini tidak akan diluluskan atau dipinda supaya keberkesanan dan kebebasan Majlis akan dikekalkan.

- e. Seraya kita berdoa marilah kita diingatkan Amsal 21: 1 'Hati raja adalah aliran air di dalam tangan TUHAN; dia bertukar ke mana Ia akan. 'Berdoalah untuk Jabatan Peguam Negara, di mana akan berlakunya banyak pembuatan keputusan mengenai draf pindaan Akta-akta yang berkaitan.
- f. Berdoalah untuk Speaker Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia yang akan mempengerusikan Persidangan Parlimen serta semua ahli-ahli parlimen. Berdoa agar demokrasi berparlimen akan dimartabatkan semasa persidangan, bahawa bil-bil akan dibenarkan untuk dibahaskan secara adil, dan Ahli Parlimen yang diberikan masa dan notis yang cukup. Berdoalah untuk orang yang soleh di Parlimen dan Kerajaan untuk bersuara mengenai isu-isu keadilan dan menegakkan hak asasi manusia.
- g. Berdoalah untuk tekanan besar daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan-badan asing lain berkaitan bil-bil yang melanggar hak-hak asasi manusia. Berdoa untuk kebebasan parlimen agar ahli-ahli parlimen dapat mengundi dan bersuara tanpa rasa takut atau berat sebelah.

## 2. Sambutan Doa Hari Malaysia

- a. Marilah kita meliputi pelbagai perayaan doa yang berlangsung di seluruh Sabah, Sarawak dan Semenanjung, di lokasi-lokasi yang berbeza berbeza yang dianjurkan oleh pelbagai pihak gereja dan badan-badan berkaitan.
- b. Berdoalah untuk kasih dan perlindungan Tuhan apabila gereja-Nya berseru secara korporat untuk kedatangan Kerajaan-Nya dan rencana-Nya dilakukan. Berdoalah agar Gereja akan dibangkitkan untuk merendahkan diri kita, berpaling daripada cara jahat, berdoa dan mencari wajah Allah. Berdoa bahawa Allah akan membawa pemulihan ke atas negeri ini. Berdoa untuk kesatuan hati sebagai sebahagian daripada Tubuh Kristus.

## 3. 1MDB

- a. Berikutan perkembangan terbaru mengenai 1MDB, berdoa untuk keadilan dalam negara dan kebenaran untuk terus didedahkan berkaitan hal salah urus dana dalam pelbagai sektor kerajaan, dan bagi mendapatkan kembali dana yang telah hilang. Berdoalah agar Tuhan akan bekerja melalui agensi kebangsaan dan antarabangsa, memberikan beban tekanan yang wajib untuk mendedahkan segala kebenaran berkaitan isu tersebut, agar keadilan akan dimartabatkan di negara kita.
- b. Berdoalah untuk pemimpin yang benar yang penuh integriti untuk dibangkitkan agar akauntabiliti pemimpin yang dipilih akan menyokong undang-undang yang mencerminkan kebenaran, keadilan dan belas kasihan. Berdoalah untuk resolusi yang cepat dan adil untuk isu ini.

#### **4. Perlindungan Terhadap Ancaman Keganasan Dan Pemberontakan**

- a. Berdoalah agar pihak berkuasa akan berwaspada dan berjaga-jaga dalam melindungi negara daripada ancaman pengganas di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Putrajaya, Pulau Pinang dan di negeri Sabah, berikutan ancaman ISIS untuk membina sebuah khilafah di rantau Asia Tenggara. Berdoalah untuk kewaspadaan yang lebih besar ke atas sempadan ASEAN. Berdoa agar rancangan-rancangan untuk menghancurkan negara-negara Asia Tenggara akan gagal.
  
- b. Berikutan laporan-laporan penenembakan dan jenayah yang semakin berleluasa, berdoa untuk perlindungan dan keselamatan di negara ini, ke atas jenayah serta perbalahan antara geng-geng jenayah. Berdoa untuk perlindungan ke atas sempadan Malaysia. Berdoalah untuk kerjasama yang lebih berkesan antara polis, tentera, pengawal pantai dan tentera laut mempertahankan perairan dan sempadan Sabah, selain terhadap sebarang bentuk kompromi oleh badan-badan bersenjata tersebut..

#### **Untuk Sekretariat Kesatuan Doa (PU):**

Chrisanne Chin

Rev Andy Chi

Hubungi kami: [prayerunited.my@gmail.com](mailto:prayerunited.my@gmail.com)